



Good food, Good life

TERMA DAN SYARAT

A. Jadual bagi Syarat Penyertaan

1. <u>Penganjur:</u>	Nestlé Products Sdn. Bhd. (197901000966) (“Penganjur”).																			
2. <u>Promosi:</u>	NESTLÉ LACTOGROW PERADUAN GANJARAN CERIA SI MANJA (“Promosi”).																			
3. <u>Tempoh Promosi:</u>	Promosi bermula jam 00:00:00 (WPM) pada 01/06/2026 dan ditutup jam 23:59:59 (WPM) pada 31/07/2026.																			
4. <u>Kelayakan:</u>	Promosi ini dibuka kepada semua penduduk Malaysia yang sah berumur 18 tahun dan ke atas pada permulaan Tempoh Promosi, dan dengan dokumen pengenalan yang sah dan beralamat rumah di Malaysia (“Peserta”). Penganjur berhak untuk meminta bukti dokumen pengenalan.																			
5. <u>Produk Turut Serta:</u>	<p>a. Disenaraikan di bawah ialah produk NESTLÉ INFANT NUTRITION yang turut serta (“Produk”):</p> <table border="1"><thead><tr><th>PRODUK TURUT SERTA</th></tr></thead><tbody><tr><td>LACTOGROW AKTIF 1-3 850G</td></tr><tr><td>LACTOGROW AKTIF 1-3 850G EXTRA 100G</td></tr><tr><td>LACTOGROW AKTIF 4-6 850G</td></tr><tr><td>LACTOGROW AKTIF 4-6 850G EXTRA 100G</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 3 600G</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 3 1.1KG</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 3 1.2KG</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 3 1.2KG FOC 100G</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 3 1.65KG</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 3 1.65KG FOC 150G</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 4 600G</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 4 1.1KG</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 4 1.2KG</td></tr><tr><td>LACTOGROW PROBIO 4 1.2KG FOC 100G</td></tr><tr><td>NESTLE CERELAC RICE+MIX VEG 250G</td></tr><tr><td>NESTLE CERELAC RICE+MIXED FRUITS 250G</td></tr><tr><td>NESTLE CERELAC RICE+CHIC 250G</td></tr><tr><td>NESTLE CERELAC WHEAT BANANA N PRUNE 250G</td></tr></tbody></table>	PRODUK TURUT SERTA	LACTOGROW AKTIF 1-3 850G	LACTOGROW AKTIF 1-3 850G EXTRA 100G	LACTOGROW AKTIF 4-6 850G	LACTOGROW AKTIF 4-6 850G EXTRA 100G	LACTOGROW PROBIO 3 600G	LACTOGROW PROBIO 3 1.1KG	LACTOGROW PROBIO 3 1.2KG	LACTOGROW PROBIO 3 1.2KG FOC 100G	LACTOGROW PROBIO 3 1.65KG	LACTOGROW PROBIO 3 1.65KG FOC 150G	LACTOGROW PROBIO 4 600G	LACTOGROW PROBIO 4 1.1KG	LACTOGROW PROBIO 4 1.2KG	LACTOGROW PROBIO 4 1.2KG FOC 100G	NESTLE CERELAC RICE+MIX VEG 250G	NESTLE CERELAC RICE+MIXED FRUITS 250G	NESTLE CERELAC RICE+CHIC 250G	NESTLE CERELAC WHEAT BANANA N PRUNE 250G
PRODUK TURUT SERTA																				
LACTOGROW AKTIF 1-3 850G																				
LACTOGROW AKTIF 1-3 850G EXTRA 100G																				
LACTOGROW AKTIF 4-6 850G																				
LACTOGROW AKTIF 4-6 850G EXTRA 100G																				
LACTOGROW PROBIO 3 600G																				
LACTOGROW PROBIO 3 1.1KG																				
LACTOGROW PROBIO 3 1.2KG																				
LACTOGROW PROBIO 3 1.2KG FOC 100G																				
LACTOGROW PROBIO 3 1.65KG																				
LACTOGROW PROBIO 3 1.65KG FOC 150G																				
LACTOGROW PROBIO 4 600G																				
LACTOGROW PROBIO 4 1.1KG																				
LACTOGROW PROBIO 4 1.2KG																				
LACTOGROW PROBIO 4 1.2KG FOC 100G																				
NESTLE CERELAC RICE+MIX VEG 250G																				
NESTLE CERELAC RICE+MIXED FRUITS 250G																				
NESTLE CERELAC RICE+CHIC 250G																				
NESTLE CERELAC WHEAT BANANA N PRUNE 250G																				

	<table border="1"> <tr><td>NESTLE CERELAC RICE 500G NO ADDED SUGAR</td></tr> <tr><td>NESTLE CERELAC WHEAT HONEY 500G</td></tr> <tr><td>NESTLE CERELAC BROWN RICE AND MILK 350G</td></tr> <tr><td>NESTLE CERELAC RICE AND MILK 350G</td></tr> <tr><td>NESTLE CERELAC RICE 200G</td></tr> <tr><td>NESTLE CERELAC WHEAT N HONEY 225G</td></tr> <tr><td>CERELAC NUTRIBITES RUSK 180G</td></tr> <tr><td>CERELAC NUTRIBITES ORIGINAL 180G</td></tr> <tr><td>CERELAC PUFFS BANANA STRAWBERRY 50G</td></tr> <tr><td>CERELAC PUFFS BANANA ORANGE 50G</td></tr> </table>	NESTLE CERELAC RICE 500G NO ADDED SUGAR	NESTLE CERELAC WHEAT HONEY 500G	NESTLE CERELAC BROWN RICE AND MILK 350G	NESTLE CERELAC RICE AND MILK 350G	NESTLE CERELAC RICE 200G	NESTLE CERELAC WHEAT N HONEY 225G	CERELAC NUTRIBITES RUSK 180G	CERELAC NUTRIBITES ORIGINAL 180G	CERELAC PUFFS BANANA STRAWBERRY 50G	CERELAC PUFFS BANANA ORANGE 50G
NESTLE CERELAC RICE 500G NO ADDED SUGAR											
NESTLE CERELAC WHEAT HONEY 500G											
NESTLE CERELAC BROWN RICE AND MILK 350G											
NESTLE CERELAC RICE AND MILK 350G											
NESTLE CERELAC RICE 200G											
NESTLE CERELAC WHEAT N HONEY 225G											
CERELAC NUTRIBITES RUSK 180G											
CERELAC NUTRIBITES ORIGINAL 180G											
CERELAC PUFFS BANANA STRAWBERRY 50G											
CERELAC PUFFS BANANA ORANGE 50G											

- 6. Kaedah Penyertaan:**
- a. Untuk menyertai Promosi, beli minimum Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20) (“Pembelian Minimum”) mana-mana Produk dalam satu resit asal daripada mana-mana outlet dalam kedai (“Resit”) dan/atau tangkapan skrin invois daripada Kedai Rasmi NESTLÉ di platform dalam talian Shopee atau Kedai Rasmi NESTLÉ di Lazada sahaja (“Invois”) semasa Tempoh Promosi.
 - b. Resit Outlet di dalam kedai:
 - i. Resit boleh didapati dalam bentuk resit bercetak dari sistem *point-of-sale* untuk pembelian outlet di dalam kedai. Resit mesti mengandungi nama dan/atau logo outlet di mana pembelian dibuat. Sekiranya ini tidak tertera, Resit perlu dicap dengan cap rasmi syarikat outlet di mana pembelian dibuat.
 - ii. Resit juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian Produk dan nombor Resit (“Butiran Resit”).
 - c. Invois Kedai Rasmi NESTLÉ di Shopee atau Kedai Rasmi NESTLÉ di Lazada:
 - i. Invois boleh didapati berupa tangkapan skrin invois untuk pembelian dalam talian daripada peniaga dalam talian. Invois mesti mengandungi nama dan/atau logo peniaga dalam talian di mana pembelian dalam talian dibuat. Untuk pembelian dalam talian dengan kod promosi dan/atau baucar diskaun, jumlah pembayaran akhir Produk mestilah jumlah Pembelian Minimum dan ke atas untuk layak.
 - ii. Invois juga mesti mengandungi tarikh pembelian, Produk yang dibeli, jumlah pembelian, nombor pesanan dan/atau invois, dan nama dan/atau logo peniaga dalam talian (“Butiran Invois”).
 - d. Kaedah penyerahan Promosi adalah melalui Laman Web Promosi sahaja. Semua kaedah penyerahan lain akan dibatalkan.
 - e. Penyerahan Penyertaan Melalui Laman Web:
 - i. Layari Laman Web Promosi di: <https://www.parenteam.com.my/promotions/peraduanganjaranceriasimania2026> atau imbas kod QR yang ditunjukkan pada bahan komunikasi di Outlet yang turut serta dan lengkapkan Borang Web.

	<ul style="list-style-type: none"> ii. Isikan semua butiran peribadi yang diperlukan (“Butiran Peribadi”) dalam Borang Web termasuk nombor mudah alih berdaftar di Malaysia yang serasi dengan WhatsApp untuk komunikasi selanjutnya. iii. Tangkap satu (1) gambar/imej yang jelas dan boleh dibaca dalam format jpg atau jpeg atau png Resit atau Invois (“Bukti Pembelian”) dengan butiran Bukti Pembelian (“Imej”). iv. Satu (1) Imej mesti mengandungi gambar satu (1) Bukti Pembelian sahaja dan fail Imej mestilah kurang daripada 5MB. v. Muat naik Imej pada Borang Web dan klik ‘hantar’ (“Penyertaan”). vi. Penganjur akan menghantar mesej perakuan autobalas untuk setiap Penyertaan yang diterima. <p>f. Peserta boleh menghantar seberapa banyak Bukti Pembelian yang mereka ingin tetapi setiap Bukti Pembelian HANYA layak untuk satu (1) penyerahan Penyertaan.</p> <p>g. Setiap Penyertaan yang diterima akan disahkan dan diluluskan oleh Penganjur untuk menjadi penyertaan yang layak (setiap satu "Penyertaan Layak" dan secara kolektif "Penyertaan-penyertaan Layak"). Penganjur berhak untuk membatalkan mana-mana Penyertaan dengan Butiran Peribadi yang tidak lengkap atau tidak sepadan, Imej yang tidak jelas dan/atau tidak boleh dibaca dan/atau pendua dan/atau mengandungi lebih daripada satu (1) Bukti Pembelian dan/atau di mana Bukti Pembelian tidak boleh dibaca, dengan butiran yang tidak lengkap, dicetak semula, diduplikasi, tidak jelas, rosak, ditukar dan/atau diubah suai dalam apa jua cara.</p> <p>h. Semua Penyertaan akan disemak untuk pendua berdasarkan Butiran Peribadi Peserta yang diserahkan. Semua Penyertaan yang didapati sebagai pendua dan/atau tidak memenuhi syarat yang dinyatakan di sini akan dibatalkan kelayakan oleh Penganjur tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta. Penganjur juga boleh, tanpa pemberitahuan lanjut kepada Peserta, membatalkan kelayakan mana-mana Penyertaan jika Penganjur mengesyaki bahawa Peserta menyerahkan Bukti Pembelian yang dihasilkan sendiri, dipalsukan atau dikeluarkan bagi Produk yang belum dibeli oleh Peserta.</p> <p>i. Penganjur berhak untuk meminta bukti salinan cetak Bukti Pembelian asal seperti imej yang diterima dalam Penyertaan Layak sebagai bukti untuk pengesahan dan penebusan hadiah. Kegagalan untuk mengemukakan salinan cetak Bukti Pembelian asal apabila diminta akan mengakibatkan pembatalan dan pelucutan.</p>
<p>7. <u>Tarikh Tutup Penyertaan:</u></p>	<p>Semua Penyertaan mesti diterima oleh Penganjur dalam Tempoh Promosi. Semua Penyertaan yang diterima di luar Tempoh Promosi akan dibatalkan secara automatik.</p>
<p>8. <u>Hadiah:</u></p>	<ul style="list-style-type: none"> a. <u>Hadiah Seluruh Negara:</u> Sepanjang Tempoh Promosi, semua Peserta berpeluang untuk memenangi Hadiah Utama. Sila rujuk Klausa 10 hingga 11. b. <u>Hadiah Outlet Eksklusif:</u> Sepanjang Tempoh Promosi, Peserta yang membuat pembelian daripada mana-mana sepuluh (10) outlet eksklusif di dalam kedai yang

disenaraikan di bawah (“Outlet Eksklusif”), juga berpeluang untuk memenangi hadiah tambahan. Sila rujuk Klausa 12 hingga 14.

NO	OUTLET EKSKLUSIF
1	AEON
2	AEON BIG
3	BILLION
4	ECONSAVE & BATARAS
5	GIANT
6	LITTLE GENIUS
7	LOTUS'S
8	MANJAKU
9	MYDIN
10	TF VALUE-MART

9. Peruntukan Nombor Bersiri untuk Penyertaan Layak:

- a. Semasa proses pemilihan finalis, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri berdasarkan jumlah pembelian Produk seperti yang dinyatakan dalam Bukti Pembelian bagi Penyertaan Layak yang dihantar, seperti berikut:
- i. Bagi setiap pembelian Produk bernilai Ringgit Malaysia Dua Puluh (RM20), Penganjur akan memperuntukkan satu (1) nombor bersiri.
 - ii. Walau apa pun keadaan, terdapat had maksimum sepuluh (10) nombor bersiri yang diperuntukkan bagi setiap Bukti Pembelian. Sebarang jumlah baki dalam Bukti Pembelian akan dibatalkan selepas nombor bersiri maksimum diperuntukkan.
- b. Contoh:
- i. Jika anda membeli Produk bernilai RM26.50 dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, satu (1) nombor bersiri akan diperuntukkan.
 - ii. Jika anda membeli Produk bernilai RM85.00 dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, empat (4) nombor bersiri akan diperuntukkan.
 - iii. Jika anda membeli Produk bernilai RM285.50 dalam satu Bukti Pembelian semasa Tempoh Promosi, maksimum sepuluh (10) nombor bersiri akan diperuntukkan.

10. Hadiah Seluruh Negara:

- a. Di bawah ialah Hadiah Seluruh Negara untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi:
- i. Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Pakej Percutian ke Jepun dengan nilai keseluruhan RM40,000.
 - ii. Lima (5) Hadiah Pertama berupa Baucar Percutian bernilai RM8,000 setiap satu.
 - iii. Sepuluh (10) Hadiah Sagu Hati berupa Baucar Percutian bernilai RM3,000 setiap satu.

- b. Di bawah adalah butiran Pakej Percutian Hadiah Utama:
- i. Pakej Percutian akan dikeluarkan atas nama pemenang dan sah untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pengeluaran.
 - ii. Semua urusan perjalanan hendaklah dibuat dan dimuktamadkan melalui agensi pelancongan, platform atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Penganjur. Penebusan adalah tertakluk sepenuhnya kepada ketersediaan, pengesahan tempahan, tarikh larangan (blackout dates), surcaj musim puncak, serta terma dan syarat syarikat penerbangan, hotel, pengendali pelancongan atau penyedia perkhidmatan perjalanan yang berkaitan.
 - iii. Pemenang boleh memilih cara Pakej Percutian digunakan, termasuk memilih penerbangan destinasi ke Jepun (dari Kuala Lumpur), penginapan, pemindahan darat, pakej lawatan atau perkhidmatan berkaitan perjalanan lain yang diluluskan oleh Penganjur, tertakluk kepada pematuhan undang-undang yang berkuat kuasa, sekatan perjalanan kerajaan, serta polisi penyedia perkhidmatan yang berkaitan.
 - iv. Sebarang baki nilai Pakej Percutian yang tidak digunakan akan luput secara automatik dan dianggap terbatal tanpa sebarang pampasan, lanjutan atau penggantian. Sebarang amaun yang melebihi nilai Pakej Percutian hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang dan perlu dibayar sebelum pengesahan tempahan dibuat. Pakej Percutian akan dianggap telah ditebus sepenuhnya selepas pengesahan tempahan yang bersamaan dengan nilai Pakej Percutian.
 - v. Pakej Percutian adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar, dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai atau kredit, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian.
- c. Di bawah adalah butiran Baucar Perjalanan Hadiah Pertama dan Hadiah Sagu Hati:
- i. Baucar Perjalanan akan dikeluarkan atas nama pemenang dan sah untuk tempoh dua belas (12) bulan dari tarikh pengeluaran.
 - ii. Semua urusan perjalanan hendaklah dibuat dan dimuktamadkan melalui agensi pelancongan, platform atau penyedia perkhidmatan yang dilantik oleh Penganjur. Penebusan adalah tertakluk sepenuhnya kepada ketersediaan, pengesahan tempahan, tarikh larangan (blackout dates), surcaj musim puncak, serta terma dan syarat syarikat penerbangan, hotel, pengendali pelancongan atau penyedia perkhidmatan perjalanan yang berkaitan.
 - iii. Pemenang boleh memilih cara Baucar Perjalanan digunakan, termasuk memilih penerbangan destinasi domestik atau antarabangsa (dari Kuala Lumpur), penginapan, pemindahan darat, pakej lawatan atau perkhidmatan berkaitan perjalanan lain yang diluluskan oleh Penganjur, tertakluk kepada pematuhan undang-undang yang berkuat kuasa, sekatan perjalanan kerajaan, serta polisi penyedia perkhidmatan yang berkaitan.
 - iv. Sebarang baki nilai Baucar Perjalanan yang tidak digunakan akan luput secara automatik dan dianggap terbatal tanpa sebarang pampasan, lanjutan atau penggantian. Sebarang amaun yang melebihi nilai Baucar Perjalanan hendaklah ditanggung sepenuhnya oleh pemenang dan perlu dibayar sebelum pengesahan tempahan dibuat. Baucar Perjalanan akan dianggap telah ditebus sepenuhnya selepas pengesahan tempahan yang bersamaan dengan nilai Baucar Perjalanan.

	<p>v. Baucar Perjalanan adalah tidak boleh dipindah milik, tidak boleh ditukar, dan tidak boleh ditebus dengan wang tunai atau kredit, sama ada secara keseluruhan atau sebahagian.</p> <p>d. Semua pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perkara berikut:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. Mendapatkan dan memastikan pasport, visa, insurans perjalanan, sijil vaksinasi, serta sebarang dokumen perjalanan lain yang diperlukan adalah sah dan dikemaskini. ii. Pembayaran semua cukai yang berkenaan, cukai lapangan terbang, surcaj, tip, perbelanjaan peribadi, dan sebarang kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara jelas sebagai ditanggung oleh Pakej atau Baucar Perjalanan. iii. Pematuhan kepada semua undang-undang, peraturan, dan nasihat perjalanan yang berkuat kuasa. iv. Sebarang perubahan, pembatalan atau kegagalan untuk hadir (no-show) selepas pengesahan tempahan adalah tertakluk kepada polisi serta caj yang dikenakan oleh penyedia perkhidmatan yang berkaitan. v. Sebarang kos tambahan yang timbul akibat perubahan atau pembatalan hendaklah ditanggung oleh pemenang. Sekiranya berlaku pembatalan oleh pemenang, sebarang pemulangan semula nilai adalah tertakluk kepada polisi bayaran balik penyedia perkhidmatan dan kelulusan Penganjur. vi. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kegagalan atau kelewatan dalam pemenuhan Pakej atau Baucar Perjalanan yang disebabkan oleh kejadian di luar kawalan munasabahnyanya, termasuk tetapi tidak terhad kepada bencana alam, pandemik, sekatan kerajaan, peperangan, kekacauan awam, atau larangan perjalanan. vii. Penganjur tidak akan bertanggungjawab ke atas sebarang kehilangan, kerosakan, kecederaan, kelewatan, ketidakselesaian atau tuntutan yang timbul daripada atau berkaitan dengan penggunaan Pakej atau Baucar Perjalanan, urusan perjalanan, atau tindakan atau kegagalan pihak ketiga penyedia perkhidmatan. Pemenang bersetuju untuk melepaskan dan tidak menuntut sebarang liabiliti daripada Penganjur bagi sebarang tuntutan tersebut.
<p>11. <u>Maklumat Pengadil</u> <u>– Hadiah Seluruh Negara:</u></p>	<ol style="list-style-type: none"> a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Seluruh Negara, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Promosi mengikut Klausa 8, bermula dengan nombor bersiri "1". b. Di akhir Tempoh Promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak yang diterima akan disusun kira dan dicampurkan bagi mendapatkan jumlah keseluruhan Penyertaan Layak ("Jumlah Penyertaan Layak"). Sekiranya nombor bersiri yang dipilih sepadan dengan Peserta yang sama lebih daripada sekali, nombor bersiri seterusnya yang tersedia akan dipilih sebagai Finalis. c. Andainya Jumlah Penyertaan Layak ialah 30889, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:

	<p>i. Pemilihan satu (1) Finalis Hadiah Utama: $30889 \div 2 = 15444.50$. Oleh sebab pembahagian 30889 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 15444.50 akan dibundarkan ke bawah kepada 15444. Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri 15444 akan dipilih.</p> <p>ii. Pemilihan lima (5) Finalis Hadiah Pertama: $30889 \div 5 = 6177.80$. Oleh sebab pembahagian 30889 dengan 5 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 6177.80 akan dibundarkan ke bawah kepada 6177. 5 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 6177*, 12354*, 18531*, 24708 dan 30885 (*contoh pengiraan: <u>6177</u>, $6177+6177=\underline{12354}$, $12354+6177=\underline{18531}$).</p> <p>iii. Pemilihan sepuluh (10) Finalis Hadiah Sagu Hati: $30889 \div 10 = 3088.90$. Oleh sebab pembahagian 30889 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 3088.90 akan dibundarkan ke bawah kepada 3088. 10 Peserta dengan Penyertaan Layak yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 3088*, 6176*, 9264*, 12352, 15400 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>3088</u>, $3088+3088=\underline{6176}$, $6176+3088=\underline{9264}$).</p>
--	---

<p>12. <u>Hadiah Peraduan Outlet Eksklusif:</u></p>	<p>a. Bagi Peserta dengan pembelian dari mana-mana Outlet Eksklusif semasa Tempoh Promosi layak berpeluang memenangi <u>Hadiah tambahan</u> seperti yang disenaraikan di bawah:</p> <table border="1" data-bbox="370 1048 1468 1688"> <thead> <tr> <th data-bbox="370 1048 442 1245">NO</th> <th data-bbox="442 1048 627 1245">OUTLET EKSKLUSIF</th> <th data-bbox="627 1048 836 1245">HADIAH MINGGUAN ATAU UTAMA</th> <th data-bbox="836 1048 1468 1245">HADIAH TAMBAHAN UNTUK DIMENANGI</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td data-bbox="370 1245 442 1688" rowspan="3">1</td> <td data-bbox="442 1245 627 1688" rowspan="3">AEON</td> <td data-bbox="627 1245 836 1688" rowspan="3">UTAMA</td> <td data-bbox="836 1245 1468 1391"> <p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Dyson V8 Cyclone Vacuum bernilai RM1999 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="836 1391 1468 1550"> <p>Sepuluh (10) Hadiah Pertama berupa satu (1) Khind Mini Electric Oven OT10 bernilai RM125 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> </td> </tr> <tr> <td data-bbox="836 1550 1468 1688"> <p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Baucar AEON RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> </td> </tr> </tbody> </table>	NO	OUTLET EKSKLUSIF	HADIAH MINGGUAN ATAU UTAMA	HADIAH TAMBAHAN UNTUK DIMENANGI	1	AEON	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Dyson V8 Cyclone Vacuum bernilai RM1999 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>	<p>Sepuluh (10) Hadiah Pertama berupa satu (1) Khind Mini Electric Oven OT10 bernilai RM125 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>	<p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Baucar AEON RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
NO	OUTLET EKSKLUSIF	HADIAH MINGGUAN ATAU UTAMA	HADIAH TAMBAHAN UNTUK DIMENANGI								
1	AEON	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Dyson V8 Cyclone Vacuum bernilai RM1999 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>								
			<p>Sepuluh (10) Hadiah Pertama berupa satu (1) Khind Mini Electric Oven OT10 bernilai RM125 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>								
			<p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Baucar AEON RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>								

		2	AEON BIG	UTAMA	<p>Dua puluh lima (25) Hadiah Utama berupa satu (1) Pas Tahunan Keluarga Petrosains untuk (2 Dewasa + 3 Kanak-kanak) bernilai RM170 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah Utama serta terma dan syarat yang disertakan bersama Hadiah Utama, jika ada.)</i></p>
		3	BILLION	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Khemah Naturehike Village 5 V3 bernilai RM889 serta satu (1) Baucar BILLION RM50 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
					<p>Tiga (3) Hadiah Pertama berupa satu (1) Bagasi Samsonite Sammies Dream bernilai RM569 serta satu (1) Baucar BILLION RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
					<p>Lima (5) Hadiah Kedua berupa satu (1) Basikal Lipat Kanak-kanak bernilai RM177 serta satu (1) Baucar BILLION RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
				MINGGUAN	<p>Lapan (8) Hadiah Mingguan dalam bentuk satu (1) Baucar BILLION RM100 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu untuk sembilan (9) minggu berturut-turut.</p>
		4	ECONSAVE & BATARAS	UTAMA	<p>Lapan (8) Hadiah Utama dalam bentuk satu (1) Tablet Berjenama bernilai RM1499 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
					<p>Sepuluh (10) Hadiah Utama dalam bentuk satu (1) Electrolux 600 Cordless Vacuum bernilai RM1039 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
					<p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet bernilai RM100 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>

	5	GIANT	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Pakej Sunway Lagoon Villa 2H1M (2 Dewasa + 3 Kanak-kanak) bernilai RM3090* untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah Utama serta terma dan syarat yang disertakan bersama Hadiah Utama, jika ada.)</i></p>
			MINGGUAN	<p>Sepuluh (10) Hadiah Mingguan berupa satu (1) Baucar GIANT RM100 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu untuk sembilan (9) minggu berturut-turut.</p>
	6	LITTLE GENIUS	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) HABIB Jongkong Emas 999.9 10gram bernilai lebih kurang RM6800* untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Nilai Hadiah Utama adalah betul pada waktu cetakan. Nilai emas adalah berdasarkan harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB Jewels akan disertakan bersama pembungkusan.)</i></p>
				<p>Satu (1) Hadiah Pertama berupa satu (1) Pakej Legoland 3H2M dengan Pas Tahunan Taman Tema (2 Dewasa + 2 Kanak-kanak) bernilai RM3200* untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah Pertama serta terma dan syarat yang disertakan bersama Hadiah Pertama, jika ada.)</i></p>
				<p>Satu (1) Hadiah Kedua berupa Tablet Berjenama bernilai RM2199 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
				<p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Baucar LITTLE GENIUS RM100 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
	7	LOTUS'S	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Dreame Matrix10 Ultra Robot Vacuum</p>

			<p>bernilai RM7999 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>Lima (5) Hadiah Pertama berupa satu (1) Applecrumby Rocking Horse bernilai RM499 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
		MINGGUAN	<p>Lima (5) Hadiah Mingguan berupa satu (1) Baucar LOTUS'S RM200 setiap satu untuk dimenangi setiap minggu untuk sembilan (9) minggu berturut-turut.</p>
8	MANJAKU	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Modenas Kriss 125 FI bernilai RM5627* untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Hadiah Utama termasuk pendaftaran motosikal standard dan cukai jalan. Sebarang kos tambahan atau kos sampingan berkaitan penggunaan dan penyelenggaraan Hadiah Utama adalah di bawah tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.)</i></p> <p>Satu (1) Hadiah Pertama berupa satu (1) HABIB Jongkong Emas 999.9 3gram bernilai lebih kurang RM2190* untuk dimenangi pada akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Nilai Hadiah Pertama adalah betul pada waktu cetakan. Nilai emas adalah berdasarkan harga emas semasa. Sijil ketulenan HABIB Jewels akan disertakan bersama pembungkusan.)</i></p> <p>Satu (1) Hadiah Kedua berupa satu (1) Jam Pintar Berjenama (Bluetooth, 40 mm) bernilai RM1299 untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Baucar MANJAKU RM100 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>

9	MYDIN	UTAMA	<p>Satu (1) Hadiah Utama berupa satu (1) Perodua Axia 1.0L E Manual bernilai RM22800* untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*Hadiah Utama termasuk pendaftaran kereta standard dan cukai jalan. Warna kereta adalah atas budi bicara Penganjur. Sebarang kos tambahan atau kos sampingan berkaitan penggunaan dan penyelenggaraan Hadiah Utama adalah di bawah tanggungjawab Pemenang sepenuhnya.)</i></p>
			<p>Tiga (3) Hadiah Pertama berupa satu (1) Sharp Air Purifier (FPJ30LB) bernilai RM637 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
			<p>Eight (8) Second Prize berupa bekalan 3 bulan* LACTOGROW® PROBIO 3 atau 4** bernilai RM300 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p> <p><i>(*bersamaan dengan jumlah 6 pek x 1.2kg **Pemenang boleh memilih antara LACTOGROW® PROBIO 3 atau 4)</i></p>
			<p>Lima Puluh (50) Hadiah Sagu Hati berupa satu (1) Baucar MYDIN RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>
10	TF VALUE-MART	UTAMA	<p>Satu ratus (100) Hadiah Utama berupa satu (1) Baucar TF VALUE-MART RM50 setiap satu untuk dimenangi di akhir Tempoh Promosi.</p>

b. Kumpulan Penyertaan adalah berdasarkan tarikh diterima dan sembilan (9) tempoh mingguan adalah seperti di bawah:

Minggu 1: 01/06/2026 – 07/06/2026

Minggu 2: 08/06/2026 – 14/06/2026

Minggu 3: 15/06/2026 – 21/06/2026

Minggu 4: 22/06/2026 – 28/06/2026

Minggu 5: 29/06/2026 – 05/07/2026

Minggu 6: 06/07/2026 – 12/07/2026

Minggu 7: 13/07/2026 – 19/07/2026

Minggu 8: 20/07/2026 – 26/07/2026

Minggu 9: 27/07/2026 – 31/07/2026

13. Maklumat Pengadilannya untuk Outlet Eksklusif –

a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Mingguan - Outlet Eksklusif, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri untuk setiap Penyertaan Layak yang diterima setiap minggu berdasarkan Outlet Eksklusif mengikut Klausa 8, bermula dengan nombor bersiri "1".

<p><u>Hadiah Mingguan:</u></p>	<p>b. Di akhir setiap Tempoh Mingguan, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak yang diterima daripada setiap Outlet Eksklusif akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak Mingguan”). Andainya nombor bersiri yang dipilih sepadan dengan Peserta yang sama lebih daripada sekali, nombor bersiri seterusnya yang tersedia akan dipilih sebagai Finalis.</p> <p>c. <u>CONTOH 1 – BILLION:</u> Andainya Jumlah Penyertaan Layak Mingguan BILLION yang diterima untuk minggu 1 ialah 103 Penganjur akan mengira dan memilih finalis berdasarkan berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan lapan (8) Finalis Hadiah Mingguan: $103 \div 8 = 12.88$. Oleh sebab pembahagian 103 dengan 8 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 12.88 akan dibundarkan ke bawah kepada 12. 8 Peserta dengan Penyertaan Layak Mingguan BILLION minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 12*, 24*, 36*, 48, 60, 72 an seterusnya (*contoh pengiraan: <u>12</u>, $12+12=24$, $24+12=36$).</p> <p>d. <u>CONTOH 2 – GIANT:</u> Andainya jumlah Penyertaan Layak Mingguan GIANT yang diterima untuk Minggu 1 ialah 151 Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan mingguan sepuluh (10) Finalis Hadiah Mingguan: $151 \div 10 = 15.10$. Oleh sebab pembahagian 151 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 15.10 akan dibundarkan ke bawah kepada 15. 10 Peserta dengan Penyertaan Layak Mingguan GIANT minggu tersebut yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 15*, 30*, 45*, 60, 75, 90 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>15</u>, $15+15=30$, $30+15=45$).</p>
<p><u>14. Maklumat Pengadilan untuk Outlet Eksklusif – Hadiah Utama:</u></p>	<p>a. Sebagai sebahagian daripada proses pemilihan Finalis Hadiah Utama – Outlet Eksklusif, Penganjur akan memperuntukkan nombor bersiri kepada Penyertaan Layak yang diterima sepanjang Tempoh Promosi mengikut Outlet Eksklusif selaras dengan Klausa 8, bermula dari nombor bersiri “1”.</p> <p>b. Pada akhir Tempoh Promosi, nombor bersiri yang diperuntukkan kepada setiap Penyertaan Layak yang diterima daripada setiap Outlet Eksklusif akan disusun kira dan dicampurkan untuk mendapatkan jumlah bilangan Penyertaan Layak (“Jumlah Penyertaan Layak”). Sekiranya mana-mana nombor bersiri yang dipilih merujuk kepada Peserta yang sama lebih daripada sekali, nombor bersiri seterusnya yang tersedia akan dipilih sebagai Finalis.</p> <p>c. <u>CONTOH 1 – AEON:</u> Andainya jumlah Penyertaan Layak AEON yang diterima sepanjang Tempoh Promosi ialah 1111 Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan satu (1) Finalis Hadiah Utama AEON: $1111 \div 2 = 555.50$. Oleh sebab pembahagian 1111 dengan 2 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 555.50 akan dibundarkan ke bawah kepada 555. Peserta dengan Penyertaan Layak AEON BIG yang diberikan nombor bersiri 555 akan dipilih.</p>

	<p>ii. Pemilihan sepuluh (10) Finalis Hadiah Pertama AEON: $1111 \div 10 = 111.10$. Oleh sebab pembahagian 1111 dengan 10 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 111.10 akan dibundarkan ke bawah kepada 111. 10 Peserta dengan Penyertaan Layak AEON yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 111*, 222*, 333*, 444, 555 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>111</u>, $111+111=222$, $222+111=333$).</p> <p>iii. Pemilihan lima puluh (50) Finalis Hadiah Sagu Hati AEON: $1111 \div 50 = 22.22$. Oleh sebab pembahagian 1111 dengan 50 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 22.22 akan dibundarkan ke bawah kepada 22. 50 Peserta dengan Penyertaan Layak AEON yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 22*, 44*, 66*, 88, 110 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>22</u>, $22+22=44$, $44+22=66$).</p> <p>d. CONTOH 2 – AEON BIG: Andainya jumlah Penyertaan Layak AEON BIG yang diterima sepanjang Tempoh Promosi ialah 1001, Penganjur akan mengira dan memilih berdasarkan yang berikut:</p> <p>i. Pemilihan dua puluh lima (25) Hadiah Utama Finalis AEON BIG: $1001 \div 25 = 40.04$. Oleh sebab pembahagian 1001 dengan 25 akan menghasilkan nombor dengan nilai perpuluhan, nombor 40.04 akan dibundarkan ke bawah kepada 40. 25 Peserta dengan Penyertaan Layak AEON BIG yang diberikan nombor bersiri yang berikut akan dipilih: 40*, 80*, 120*, 160, 200 dan seterusnya (*contoh pengiraan: <u>40</u>, $40+40=80$, $80+40=120$).</p>
<p>15. Penuhan Hadiah:</p>	<p>a. Setiap Peserta hanya boleh di sepanjang Tempoh Promosi memenangi:</p> <ol style="list-style-type: none"> i. satu (1) Hadiah Seluruh Negara dengan nilai tertinggi, ii. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif AEON dengan nilai tertinggi, iii. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif AEON BIG, iv. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif BILLION dengan nilai tertinggi dan satu (1) Hadiah Mingguan, v. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif ECONSAVE & BATARAS dengan nilai tertinggi, vi. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif GIANT dan satu (1) Hadiah Mingguan, vii. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif LITTLE GENIUS dengan nilai tertinggi, viii. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif LOTUS'S dengan nilai tertinggi dan satu (1) Hadiah Mingguan, ix. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif MANJAKU dengan nilai tertinggi, x. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif MYDIN dengan nilai tertinggi, dan xi. satu (1) Hadiah Utama Outlet Eksklusif TF VALUE-MART. <p>b. Penganjur akan menghubungi semua Finalis terpilih melalui WhatsApp daripada nombor WhatsApp rasmi NESTLÉ LACTOGROW PERADUAN GANJARAN CERIA SI MANJA: 6018 322 7170 (“Nombor WhatsApp Rasmi Promosi”) ke nombor mudah alih yang diterima Penganjur dalam Penyertaan Layak. Setiap Finalis terpilih akan diberikan satu (1) soalan untuk dijawab. Finalis terpilih perlu menjawab soalan yang dikemukakan oleh Penganjur dengan betul untuk memenangi Hadiah. Kegagalan untuk menjawab dengan betul dan/atau kegagalan untuk menjawab soalan yang diberikan oleh Penganjur dalam masa yang dinyatakan akan mengakibatkan</p>

pembatalan Hadiah. Penganjur tidak bertanggungjawab sekiranya Finalis terpilih tidak boleh dihubungi atas apa jua sebab. Penganjur berhak untuk memilih Finalis lain mengikut budi bicara Penganjur sekiranya Finalis yang dipilih sebelumnya tidak dapat dihubungi atau gagal menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan. Finalis yang menjawab soalan dengan betul dalam masa yang dinyatakan sahaja akan dianggap sebagai Pemenang.

- c. Pemenang Peraduan akan diumumkan di laman Web Promosi dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Promosi.
- d. Atas permintaan, semua Pemenang mesti memberikan butiran peribadi mereka yang diperlukan kepada Penganjur untuk pemenuhan hadiah, tanpanya Penganjur mungkin tidak dapat memenuhi hadiah tersebut. Penganjur berhak untuk membatalkan Hadiah mereka jika Pemenang gagal memberikan butiran penuh mereka atas permintaan. Penganjur berhak untuk membatalkan sebarang Penyertaan atau Hadiah jika butiran peribadi Peserta atau Pemenang (termasuk nama penuh, nombor pengenalan dan nombor mudah alih) didapati tidak tepat atau salah pada bila-bila masa.
- e. Semua Pemenang Hadiah Utama Seluruh Negara, Hadiah Pertama dan Hadiah Sagu Hati akan menerima surat perakuan rasmi yang mengandungi butiran perhubungan ejen pelancongan yang dilantik. Pemenang hendaklah menghubungi sendiri wakil ejen pelancongan yang dilantik bagi memudahkan proses penebusan hadiah mereka.
- f. Semua Pemenang Hadiah Outlet Eksklusif akan menerima hadiah mereka dalam tempoh enam (6) hingga lapan (8) minggu dari tarikh tutup Tempoh Promosi, melalui salah satu kaedah berikut:
 - i. Penghantaran Kurier untuk Barangan Elektrik dan Elektronik, Mainan, LACTOGROW® PROBIO 3 atau 4 1.2kg, Khemah, Bagasi, Basikal Lipat, Baucar & Pas Petrosains – Hadiah akan dihantar melalui kurier ke alamat yang diberikan oleh Pemenang. Hadiah boleh dilucutkan sekiranya Pemenang tidak berada di alamat penghantaran pada masa penghantaran dibuat; atau
 - ii. Penebusan Hadiah Sunway Lagoon Villa dan Legoland – Pemenang akan menerima surat pengesahan rasmi yang mengandungi butiran perhubungan ejen pelancongan yang dilantik. Pemenang dikehendaki menghubungi sendiri wakil ejen pelancongan yang dilantik bagi mengatur dan memudahkan penebusan hadiah mereka; atau
 - iii. Pengambilan Hadiah Emas di Outlet – Pemenang akan menerima surat pengesahan rasmi yang mengandungi butiran bagi pengambilan Hadiah di outlet Habib Jewels yang dipilih, seperti yang dinyatakan dalam surat pengesahan tersebut. Penganjur akan berusaha memilih outlet Habib Jewels yang paling hampir dengan alamat yang diberikan oleh Pemenang; atau
 - iv. Hadiah Kereta & Motosikal di Outlet - Pemenang akan menerima surat pengesahan rasmi yang mengandungi butiran bagi pengambilan Hadiah di outlet atau lokasi yang dipilih, sebagaimana ditentukan dan dimaklumkan oleh

Penganjur atau pihak berkaitan yang dilantik oleh Penganjur. Jika berkenaan, Pemenang mungkin dihubungi oleh pihak yang dilantik untuk mengatur dan memudahkan pengambilan Hadiah; atau

- v. PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet bernilai RM100 – Pembekal perkhidmatan Penganjur akan menghantar kepada Pemenang melalui Nombor Rasmi WhatsApp Promosi: **6018 322 7170** ke nombor telefon bimbit yang diterima oleh Penganjur dalam Penyertaan Layak. Semua PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet yang tidak dituntut selepas tarikh akhir yang ditetapkan oleh Penganjur seperti yang dinyatakan dalam mesej WhatsApp akan dibatalkan.
- g. Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya mana-mana PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada Pemenang kerana sebarang perubahan, kesilapan dan/atau perbezaan dalam nombor hubungan yang diserahkan kepada Penganjur dalam Penyertaan dan/atau disebabkan oleh masalah dengan WhatsApp atau tetapan telefon mudah alih Peserta.
- h. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat vendor dan pihak yang mengatur dan menyediakan PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet. Pemenang hendaklah bertanggungjawab sepenuhnya untuk sebarang yuran pentadbiran tambahan atau kos yang berkaitan dengan menebus PIN Tambah Nilai TNG e-Wallet melalui saluran selain daripada aplikasi dan penggunaan masing-masing. Berikut adalah terma dan syarat vendor:
 - i. Penebusan dan penggunaan PIN Tambah Nilai TNG tertakluk pada Terma & Syarat Touch 'n Go Sdn Bhd (TNG Digital Sdn Bhd); <https://www.touchngo.com.my/assets/pdf/user-tnc.pdf>
 - i. Penganjur berhak untuk melanjutkan tempoh masa yang dinyatakan di bawah klausa ini disebabkan oleh sebab-sebab di luar kawalan Penganjur. Penganjur berhak untuk menukar kaedah pemenuhan Hadiah yang dinyatakan di bawah klausa ini mengikut budi bicara Penganjur.
 - j. Penganjur tidak akan dipertanggungjawabkan sekiranya Hadiah atau surat perakuan tidak dapat dihantar atau disampaikan kepada Pemenang kerana sebarang perubahan dalam alamat penghantaran dan/atau nombor hubungan yang diserahkan oleh pemenang kepada Penganjur semasa penyerahan Penyertaan.
 - k. Semua Hadiah yang tidak dituntut selepas tarikh tutup yang ditetapkan oleh Penganjur dalam pemberitahuan pemenang untuk pengambilan hadiah akan dibatalkan. Penganjur berhak untuk menggantikan mana-mana hadiah dengan hadiah alternatif yang sama atau lebih besar nilainya sekiranya Hadiah asal yang ditawarkan tidak tersedia.
 - l. Semua Pemenang mesti mematuhi terma dan syarat pihak yang mengatur dan/atau menyediakan Hadiah serta terma dan syarat yang disertakan, jika ada. Semua cukai yang dikenakan ke atas Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

	m. Penganjur tidak akan bertanggungjawab atas kehilangan atau kerosakan yang berlaku pada hadiah semasa proses penghantaran. Sebarang kos tambahan lain (seperti perbelanjaan perjalanan, kos pengangkutan, duti dan cukai) yang terlibat untuk menebus atau mengambil hadiah akan ditanggung oleh pemenang dengan kos mereka sendiri.
16. <u>Terma Tambahan:</u>	a. Penganjur tidak termasuk tanggungjawabnya dan semua tanggungjawab yang timbul daripada penangguhan, pembatalan, kelewatan atau perubahan atau pengubahsuaian pada Promosi atau hadiah atau disebabkan oleh keadaan lain yang tidak dijangka dan di luar kawalan Penganjur seperti campur tangan pihak pemerintah, kekacauan awam, rusuhan, perang, mogok, tindakan keganasan (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang tindakan keganasan, permusuhan, kecemasan nasional, atau berlakunya epidemik/pandemik) dan untuk sebarang tindakan atau keingkaran oleh mana-mana pembekal atau vendor pihak ketiga.

Jadual bagi Syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Syarat Penyertaan dan Notis Privasi yang boleh didapati di:

<https://www.parenteam.com.my/promotions/peraduanganjaranceriasimanja2026> secara kolektif dinamakan “Terma dan Syarat”, yang akan mengikat semua peserta (dan ibu bapa/penjaga sah peserta, dalam kes peserta di bawah umur) yang menyertai Promosi ini (selepas ini dirujuk sebagai “Peserta”, “Anda”).

B: Syarat-syarat Penyertaan

1. Pengenalan

- 1.1 Syarat-syarat Penyertaan ini mesti dibaca bersama dengan Jadual Syarat Penyertaan. Jika terdapat sebarang percanggahan antara Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan, Jadual Syarat Penyertaan hendaklah diguna pakai. Syarat-syarat Penyertaan dan Jadual Syarat Penyertaan secara kolektif akan dirujuk sebagai “Terma dan Syarat”. Setiap terma yang berhuruf besar jika tidak dinyatakan selainnya di dalam ini hendaklah mempunyai maksud yang ditakrifkan untuk terma sedemikian dalam Jadual Syarat Penyertaan. Terma yang ditakrifkan boleh digunakan untuk bentuk mufrad dan jamak mengikut keadaan.
- 1.2 Penganjur berhak mengikut budi bicara, tanpa memberi notis terlebih dahulu, dan tanpa menanggung sebarang liabiliti terhadap sesiapa, pada bila-bila masa untuk mengubah Terma dan Syarat termasuk mengubah Tempoh Peraduan, membuat penggantian Hadiah, membatalkan, menamatkan atau menggantung Peraduan secara keseluruhan atau sebahagiannya. Sekiranya terdapat sebarang perubahan kepada Terma dan Syarat, Peserta bersetuju bahawa Penyertaan berterusan mereka dalam Peraduan akan menandakan penerimaan mereka terhadap Terma dan Syarat (sebagaimana yang diubah).
- 1.3 Keputusan Penganjur dalam semua perkara yang berkaitan dengan Peraduan termasuk pengadilan dan pemilihan pemenang adalah muktamad, mengikat dan konklusif pada semua Peserta, dan tidak boleh dipertikaikan oleh semua Peserta. Sebarang surat menyurat atau rayuan berkaitan pengadilan dan pemilihan pemenang tidak akan dilayan.

2. Penyertaan Peraduan

- 2.1 Dengan mengemukakan penyertaan untuk Peraduan ini, Peserta dianggap sudah memahami dan bersetuju untuk terikat dengan Terma dan Syarat ini.
- 2.2 Semua kos dan perbelanjaan yang ditanggung dan/atau timbul daripada penyertaan dalam Peraduan ini, termasuk tetapi tidak terhad kepada caj telekomunikasi, rangkaian, Khidmat Pesanan Ringkas, pos dan semua caj lain sedemikian dan perbelanjaan sendiri yang mungkin dibelanjakan semasa atau berhubung dengan Peraduan ini hendaklah ditanggung oleh Peserta.
- 2.3 Bukti penghantaran penyertaan bukanlah bukti penerimaan, dan Penganjur tidak boleh dipertanggungjawabkan terhadap sebarang penyertaan yang lewat, hilang, rosak dan/atau bukti penerimaan yang tidak diterima. Penganjur tidak akan bertanggungjawab terhadap sebarang kesilapan, ketinggalan, gangguan, pemadaman, kerosakan, kelewatan operasi atau penghantaran, kegagalan talian komunikasi, kecurian atau kemusnahan, capaian tanpa izin, atau pengubahsuaian komunikasi pengguna atau ahli, atau sebarang masalah atau gangguan teknikal terhadap sebarang rangkaian atau talian telekomunikasi, sistem komputer dalam talian, pelayan atau penyedia perkhidmatan, peralatan komputer, sistem perisian, kegagalan e-mel atau pemain akibat masalah teknikal atau kesesakan lalu lintas di Internet.

3. Kelayakan

- 3.1 Sepertimana yang dinyatakan dalam Jadual Syarat Penyertaan, sekiranya Peserta berumur di bawah lapan belas (18) tahun, Peserta dikehendaki mendapatkan kebenaran bertulis (dalam bentuk yang akan ditentukan oleh Penganjur), daripada ibu bapa/penjaga sah mereka sebelum menyertai Peraduan ini dan mengemukakan sebarang maklumat peribadi.
- 3.2 Penganjur boleh meminta Peserta untuk memberikan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini termasuk tetapi tidak terhad kepada dokumen pengenalan, dan kebenaran bertulis ibu bapa/penjaga sah untuk Peserta di bawah umur lapan belas (18) tahun.

4. Ketidaklayakan

Kumpulan orang yang dinyatakan di bawah tidak layak untuk menyertai Peraduan ini:

- (a) Kakitangan Penganjur dan syarikat-syarikat dalam kumpulannya dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka); dan
- (b) Kakitangan agensi Penganjur yang berkaitan dengan Peraduan ini dan ahli keluarga terdekat mereka (suami isteri, anak, ibu bapa, adik-beradik dan suami isteri adik beradik mereka).

5. Perlucutan Kelayakan

- 5.1 Penyertaan berikut akan dilucutkan kelayakannya:
 - (a) penyertaan yang tidak jelas, tidak lengkap, berulang, salinan, tidak boleh dibaca atau tidak betul; dan/atau

- (b) penyertaan yang melanggar Terma dan Syarat, mana-mana undang-undang dan/atau peraturan yang berkuat kuasa.

5.2 Selain itu, Penganjur berhak untuk melucutkan kelayakan mana-mana Peserta yang:

- (a) menjejaskan, telah atau cuba menjejaskan perjalanan Peraduan dengan pemalsuan, atau penipuan; dan/atau
- (b) tidak layak atau tidak dapat mengemukakan bukti kelayakan untuk menyertai Peraduan ini untuk pengesahan Penganjur apabila diminta.

5.3 Sekiranya perlucutan kelayakan berlaku selepas Hadiah diberikan, Penganjur berhak untuk menuntut pemulangan Hadiah atau bayaran nilainya daripada Peserta yang dilucutkan kelayakannya.

6. Hadiah

6.1 Penganjur, ejen, penaja dan wakilnya tidak bertanggungjawab terhadap mana-mana Peserta yang gagal menuntut Hadiah menurut ketetapan Tuntutan Hadiah/Tarikh Penghantaran dalam apa keadaan sekalipun. Penganjur berhak menentukan pengurusan Hadiah yang tidak dituntut.

6.2 Hadiah sama sekali tidak boleh dipindah milik, diserahkan, ditukar atau ditebus oleh Peserta dalam apa-apa bentuk lain atau cara lain daripada yang ditetapkan oleh Penganjur.

6.3 Sebarang kos tambahan yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan berkaitan Hadiah hendaklah ditanggung oleh Pemenang.

6.4 Semua Hadiah mesti diambil menurut terma dan syarat Penganjur, ejennya, penaja atau pihak ketiga yang menyediakan Hadiah.

(a) **Tiket Acara:**

Penganjur tidak bertanggungjawab terhadap sebarang pembatalan atau penjadualan semula yang boleh menghalang penunaian Hadiah. Tiket hanya boleh digunakan pada tarikh yang dinyatakan pada tiket.

(b) **Hadiah Pelancongan/Percutian:**

Jika pelancongan ditawarkan sebagai Hadiah, penerbangan dan penginapan adalah tertakluk kepada ketersediaan pada masa tempahan. Hadiah mesti dituntut menurut tarikh dan destinasi yang ditetapkan oleh Penganjur, ejennya atau penaja. Wang untuk perbelanjaan tambahan, makanan, cukai, pasport yang sah, visa, pengangkutan pergi & balik dari tempat berlepas dan perjalanan tambahan, insurans & semua kos sampingan lain yang tidak dinyatakan secara khusus dalam Jadual Syarat Penyertaan adalah tanggungjawab Pemenang.

6.5 Hadiah diberikan berasaskan “keadaan seperti sedia ada”. Hadiah hendaklah digunakan/diambil sepenuhnya atas risiko Peserta dan Penganjur sama sekali tidak memberi sebarang jaminan mahupun menanggung sebarang liabiliti berhubung dengan Hadiah setakat yang dibenarkan undang-undang.

- 6.6 Hadiah hendaklah dituntut sendiri melainkan Penganjur menetapkan cara lain untuk tuntutan.
- 6.7 Di mana seorang Peserta masih di bawah umur lapan belas (18) tahun dan diumumkan sebagai pemenang Hadiah, Peserta mesti ditemani oleh ibu bapa/penjaga sah mereka sepanjang upacara penyampaian Hadiah.

7. Publisiti

Penganjur boleh menggunakan penyertaan seorang Peserta termasuk tetapi tidak terhad kepada gambar, lukisan, teks, dan sebarang kandungan atau maklumat lain yang dikemukakan untuk tujuan Peraduan (secara kolektif dirujuk sebagai "Material"), dan nama Peserta, dan/atau persamaannya, untuk pengiklanan, publisiti dan Peraduan mana-mana barangan Penganjur, untuk tempoh tidak terhad di seluruh dunia tanpa pampasan, dan di mana-mana media. Peserta hendaklah melakukan segala perkara yang perlu untuk tujuan ini jika diminta oleh Penganjur.

8. Hak Milik Harta Intelek

Peserta bersetuju bahawa segala hak milik harta intelek dalam sebarang kandungan dan/atau material yang dikemukakan, dibuat atau dicipta oleh Peserta berhubung dengan Peraduan ini dan sebarang hasil kerja terbitan yang timbul daripadanya akan secara kekal dan tanpa syarat menjadi hak, kepunyaan dan milik Penganjur. Penganjur berhak menggunakan dan mengubah suai material atau hasil kerja tersebut dalam apa cara sekalipun yang dianggap sesuai tanpa pampasan kepada Peserta dan Peserta menyetujui segala haknya ke atas material atau hasil kerja tersebut.

9. Indemniti

Setiap Peserta bersetuju untuk melindungi, melepaskan dan tidak mempertanggungjawabkan Penganjur dan syarikat pegangan, subsidiari atau syarikat berkaitannya sebagaimana ditetapkan dalam Akta Syarikat 2016 ("Kumpulan Nestlé Malaysia"), para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya daripada sebarang dan semua kerugian, hak, tuntutan, tindakan dan kerosakan (termasuk kerosakan khas, tidak langsung dan kerosakan berbangkit) yang timbul daripada atau ditanggung akibat penyertaan Peserta dalam Peraduan, penerimaan sebarang Hadiah, dan/atau penggunaan penyertaan Peserta dan/atau persamaannya berhubung dengan Peraduan ini atau pelanggaran Terma dan Syarat.

10. Had Liabiliti

- 10.1 Penyertaan Peserta dalam Peraduan ini adalah atas risiko Peserta sendiri.
- 10.2 Penganjur, Kumpulan Nestlé Malaysia, para pengarah, pegawai, kakitangan, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan ke atas mana-mana Peserta berhubung dengan sebarang kerugian atau kerosakan dan sebagainya yang ditanggung, termasuk tetapi tidak terhad kepada kerugian secara tidak langsung atau berlanjutan, atau untuk kecederaan peribadi yang ditanggung atau dialami oleh Peserta yang timbul daripada atau berhubung dengan penyertaan Peserta dalam Peraduan ini, dan juga penebusan dan/atau penggunaan sebarang Hadiah yang dimenangi.

11. Am

- 11.1 Penganjur, ejen, penaja dan/atau wakilnya tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk menunaikan mana-mana kewajipan mereka berhubung dengan Peraduan dan Terma dan Syarat di mana mereka tidak dapat berbuat demikian disebabkan keadaan di luar kawalan mereka dan tidak boleh dipertanggungjawabkan untuk memberi pampasan kepada Peserta dalam apa cara sekalipun dalam keadaan sedemikian.
- 11.2 Sebarang nama, tanda perdagangan atau logo yang digunakan dan/atau diterbitkan semula dalam sebarang material (termasuk material pemasaran dan Peraduan) berhubung dengan Peraduan ini, khususnya yang berkaitan Hadiah, adalah hak milik pemilik masing-masing. Peraduan ini dan Penganjur tidak mempunyai pertalian dengan, atau mendapat pengesahan atau tajaan daripada pemilik berkenaan, melainkan dinyatakan sebaliknya, dan pemilik berkenaan bukanlah sebahagian daripada syarikat kumpulan Penganjur.
- 11.3 Peserta tidak berhak untuk menyerah mana-mana hak atau sub kontrak mana-mana kewajipan yang terkandung di sini. Penganjur berhak untuk menyerahkan atau melesenkan seluruh atau mana-mana bahagian haknya kepada mana-mana pihak ketiga sebagaimana yang boleh ditentukan oleh Penganjur.
- 11.4 Ketidaksahan, kesalahan dari segi undang-undang atau ketidakbolehan penguatkuasaan mana-mana Terma dan Syarat Peraduan ini tidak akan mempengaruhi atau menjejaskan kesinambungan pelaksanaan Terma dan Syarat Peraduan yang selainnya.
- 11.5 Di mana Terma dan Syarat Peraduan ini disediakan dalam bahasa Inggeris dan bahasa yang lain, sekiranya terdapat sebarang ketidakseragaman antara bahasa Inggeris dan bahasa lain, versi bahasa Inggeris hendaklah diguna pakai dan dikuatkuasa dalam semua hal.
- 11.6 Terma dan Syarat Peraduan ini hendaklah diertikan, ditadbir, dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia.

12. Notis Privasi

- 12.1 Dengan menyertai Peraduan, Peserta bersetuju dengan pemprosesan Data Peribadi Peserta oleh Penganjur mengikut Notis Privasi di https://www.nestle.com.my/info/privacy_policy/privacy_bm.
- 12.2 By participating in the Promotion, the Participant agrees to the processing of the Participant's Personal Data by the Organizer in accordance with the Privacy Notice in https://www.nestle.com.my/info/privacy_notice.